

# KL tegas tutup pintu kepada rakyat Israel

BH - 20/11/2019  
M/S: 2

→ Malaysia tiada hubungan diplomatik dengan negara Yahudi: PM

✦ Kuala Lumpur

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa rakyat Israel tidak sepatutnya datang ke Malaysia berikutan kedua-dua negara tiada hubungan diplomatik.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai hak untuk menutup sempadannya kepada sesetengah orang, terutama mereka yang negara ini berpendapat melakukan banyak perkara yang salah.

“Banyak negara hari ini melihat orang luar datang ke negara mereka dan amat tidak gembira mengenainya. Mereka gulingkan kerajaan kerana membenarkan pendatang masuk.

## Banyak buat kesalahan

“Jadi, sebuah negara mempunyai hak untuk menutup sempadannya kepada sesetengah orang, sebab itu adanya sempadan, tetapi di Malaysia, kita tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel sama sekali dan kita berpendapat mereka membuat terlalu banyak kesalahan, tetapi tetap terlepas kerana tiada siapa be-



Sebuah negara mempunyai hak untuk menutup sempadannya kepada sesetengah orang, sebab itu adanya sempadan, tetapi di Malaysia, kita tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel sama sekali dan kita berpendapat mereka membuat terlalu banyak kesalahan, tetapi tetap terlepas kerana tiada siapa berani untuk berkata apa-apa terhadap mereka”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

rani untuk berkata apa-apa terhadap mereka,” katanya selepas menyampaikan ucapan pada perbincangan Oxford Union yang disiarkan secara langsung oleh Astro Awani dari London, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya oleh Presiden Oxford Union, Daniel Wilkinson mengenai larangan Malaysia ke atas atlet Israel untuk menyertai Kejohanan Renang Para Dunia yang akan diadakan di Sarawak, Julai depan.

Perbincangan dan temu bual itu juga kemudian dimuat naik dalam Facebook Dr Mahathir.


Perenang dari kira-kira 70 negara dijangka menyertai kejohanan itu yang bermula dari 29 Julai hingga 4 Ogos ini, yang menjadi satu penentuan sebelum Paralimpik Tokyo tahun hadapan.

## Tak perlu tunjuk persahabatan

Ditanya sama adakah adil untuk menghukum rakyat Israel berbanding Kerajaan Israel, Perdana Menteri berkata, keadaan sekarang nampak seperti kebanyakan orang Israel menyokong pendirian yang diambil oleh kerajaan mereka.

“Kita tidak dapat banyak lakukan sesuatu terhadap Kerajaan Israel, mereka terlalu berkuasa. Jadi, kita tidak berkata apa-apa mengenai kerajaan Israel namun kita tidak perlu pula untuk, menunjukkan persahabatan kepada mereka,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak kisah jika kenyataan beliau terhadap Israel dianggap sebagai anti-Yahudi, dengan menyebut bahawa itu adalah hak beliau untuk berkata



**Dr Mahathir menyampaikan ucapan** pada perbincangan Oxford Union di London, semalam.

sesuatu mengenai tindakan Israel terhadap Palestin.

“Saya tidak memahami ini. Kita bercakap mengenai kebebasan bersuara dan sebaliknya kita tidak boleh berkata sesuatu terhadap Israel, menentang Yahudi, kenapa jadi begitu? Jika kita bebas untuk berkata sesuatu yang kita suka, kita boleh sahaja katakan, tetapi sebaliknya kita di-

anggap sebagai anti-Semitik oleh Yahudi.

“Itu hak mereka untuk menegakkan pendapat seumpama terhadap saya, namun ini juga menjadi hak saya untuk memberitahu mereka bahawa mereka telah melakukan terlalu banyak perkara yang salah,” katanya dengan disambut tepukan gemuruh hadirin.

**BERNAMA**